

DRAF

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

SAMBUTAN MINGGU ARKIB ANTARABANGSA 2023

**14 JUN 2022 (RABU)
9.30 PAGI**

**AUDITORIUM
PUSAT PENDOKUMENTASIAN DAN
PEMELIHARAAN AUDIO VISUAL (PPPAV)
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

Terima kasih saudara pengacara majlis
Salam Sejahtera dan Selamat Pagi
Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

Yang Berbahagia Dato' Jaafar Sidek bin Hj. Abdul Rahman
Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia

Yang Berusaha Dr. Kang Tong Hum
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Mohd. Dom
Pengerusi Lembaga Penasihat
Arkib Negara Malaysia

Ahli Panel Bicara Tokoh:

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Mantan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Haji Rodzi bin Md. Saad
Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
(MAMPU)

Moderator Bicara:

Yang Berusaha Encik Ismail bin Adnan
Pengacara TV, Penyampai Berita dan Penerbit Rancangan
Radio dan Televisyen

Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Kementerian Perpaduan Negara

Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri

Tan Sri, Datuk Seri, Datuk, Datin, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati
sekalian

1. Pertama sekali marilah kita memanjatkan rasa syukur kerana diberi keizinan kepada kita bersama-sama dalam Majlis Perasmian Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2023 pada pagi yang berbahagia ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Minggu Arkib Antarabangsa 2023 kepada semua arkivis di Malaysia.

2. Pada tahun ini, Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa turut menyambut ulang tahun penubuhan ICA yang ke-75. Sambutan **#75yearsICA** dengan tema **#ArchivesUnited** adalah untuk meraikan dedikasi, sumbangan dan peranan seseorang arkivis serta kepentingan institusi arkib di seluruh dunia. Di negara kita, Arkib Negara merupakan

organisasi profesionalisme yang memainkan peranan penting dalam bidang kearkiban yang turut aktif di peringkat antarabangsa.

3. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Arkib Negara atas penganjuran program Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2023 bermula pada 9 hingga 16 Jun 2023. Saya difahamkan pelbagai pengisian program dirancang sepanjang tempoh penganjuran majlis sambutan ini. Selari dengan aspirasi program **Ini Warisan Kita** di bawah inisiatif Kementerian Perpaduan Negara, Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa ini adalah manifestasi usaha untuk memelihara dan melestarikan bahan arkib sebagai khazanah negara dalam memupuk integrasi nasional.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

ARKIB – INSTITUSI MEMORI NEGARA SEBAGAI WAHANA PERPADUAN

4. Malaysia memiliki kemajmukan etnik, kepelbagaian agama, kekayaan budaya dan tradisi yang menjadi nadi kekuatan memperkukuh integrasi nasional dalam kalangan masyarakat. Penguasaan pengetahuan khususnya sejarah negara merupakan perkara asas bagi seseorang warganegara memahami dan menghayati sultur perpaduan negara supaya mempunyai semangat jati diri untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu dan kuat, menjaga keharmonian dan kedaulatan negara kita.

5. Arkib Negara sebagai “Penyimpan Khazanah Warisan”, melalui bahan arkib seperti dokumen, gambar dan sebagainya menjadi sumber rujukan yang boleh disebarluaskan kepada masyarakat untuk melahirkan generasi berilmu dan kaya jiwa sejarahnya. Peranan Arkib Negara sebagai wahana perpaduan amat signifikan dalam menyemarakkan rasa kecintaan kepada negara bangsa sesuai dengan aspirasi Dasar Perpaduan Negara untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini.

6. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa memberikan sokongan dan kepercayaan kepada Arkib Negara sebagai salah sebuah agensi di bawahnya untuk terus berusaha melaksanakan visi dan misinya dalam memelihara dan memasyarakatkan memori institusi negara serta membawa nama harum Malaysia di peta dunia. Semoga sikap profesionalisme para arkivis kita dalam memacu bidang kearkiban mampu mengangkat martabat Arkib Negara sebagai organisasi arkib yang relevan dan kekal lama bertahan dalam menongkah arus kepesatan teknologi dan pembangunan negara sejajar dengan Matlamat 16 dalam Pembangunan Mampan 2030 atau Sustainable Development Goals (SDG) 2030 – *Peace, Justice and Strong Institutions*.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

BICARA TOKOH: PANDEMIK COVID-19

7. Saya difahamkan juga pada pagi ini, akan diadakan Bicara Tokoh: Pandemik COVID-19 yang merupakan salah satu pengisian kemuncak Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2023. Program ini menampilkan tokoh atau individu yang terlibat secara langsung dalam menguruskan

strategi kerajaan mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Pengalaman dan pandangan mereka amat penting untuk direkodkan supaya boleh menjadi bahan sumber rujukan utama berkenaan isu wabak ini.

8. Selain pengetahuan tersirat atau *tacit knowledge* daripada tokoh yang terlibat dalam wabak COVID-19 ini, saya pasti banyak rekod persendirian tentang pandemik COVID-19 daripada tokoh/orang perseorangan, sektor kerajaan, sektor swasta, pertubuhan, NGO, komuniti dan sebagainya masih berada dalam simpanan rakyat Malaysia. Saya menyeru kepada masyarakat Malaysia agar bahan ini dapat dikumpul dan disimpan di Arkib Negara untuk memperkayakan maklumat peristiwa bersejarah ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

PENUTUP

9. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Arkib Negara, semua ahli panel, moderator dan peserta yang menjayakan sambutan ini. Semoga semangat kerjasama dan kebersamaan ini dapat memartabatkan dan melestarikan khazanah warisan negara.

Saya dengan sukacitanya merasmikan **Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa Tahun 2023** pada hari ini.

Sekian, terima kasih.